

28/07/1997

JAS tidak layan cubaan tarik balik

KUALA LUMPUR, Ahad - Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak akan melayan sebarang tawar menawar akuan kesalahan dengan sesiapa yang dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar Akta Kualiti Alam Sekitar.

Ketua Pengarahnya, Tan Meng Leng, berkata JAS hanya bertanggungjawab terhadap penyiasatan dan pendakwaan manakala permohonan untuk menarik balik sesuatu pertuduhan hanya hak Pendakwa Raya.

Sambil merujuk kes pemaaju perumahan, Projek Ikatan Rapi Sdn Bhd, yang didakwa gagal mematuhi peruntukan Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) dalam projek perumahan Ukay Perdana, Hulu Klang dan mahu memohon kepada JAS untuk menyelesaikan kes itu di luar mahkamah, Tan berkata:

"Apabila kes itu difailkan di mahkamah, segala permohonan untuk menarik balik sesuatu pertuduhan hanya boleh ditetapkan oleh Pendakwa Raya dan JAS tiada kuasa dalam urusan ini," katanya.

Beliau mengulas permohonan peguambela Ikatan rapi, Muhammad Shafie Abdullah, untuk menangguhkan kes syarikat itu di Mahkamah Tengah, Ampang, Jumaat lalu untuk berbincang dengan JAS bagi menyelesaikan kes itu di luar mahkamah.

Ikatan Rapi didakwa di mahkamah pada 6 Jun lalu selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah besar-besaran di Selangor.

Perkara itu dibangkitkan selepas Dr Mahathir melihat sendiri pembukaan tanah secara besar-besaran di kawasan berbukit di Hulu Klang, ketika dalam penerbangan pulang dari Taman Negara pada Mac lalu.

Ikatan Rapi yang diwakili Pengarah Suhaimy Husin didakwa atas tiga tuduhan iaitu tidak memberi bukti yang cukup kepada syarat nombor 9, 11 dan 12 dalam lampiran bagi mendapat kelulusan laporan EIA.

Syarat nombor 9 yang didakwa tidak dipatuhi Ikatan Rapi ialah bentuk muka bumi (topografi) dan pokok-pokok di kawasan terbabit hendaklah seboleh-bolehnya dikekalkan.

Syarat nombor 11 ialah cerun hendaklah direka bentuk dan disenggara dengan baik bagi memastikan kestabilannya manakala syarat ke-12, kolam perangkap mendap dan sistem saliran untuk menyalurkan air larian permukaan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum kerja pembukaan tanah dijalankan.

(END)